



## KATA ALU-ALUAN

YANG BERHORMAT  
DATO SERI SETIA AWANG HAJI HAMZAH  
BIN HAJI SULAIMAN  
MENTERI PENDIDIKAN  
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

SESI MUZAKARAH ANTARA KEMENTERIAN PENDIDIKAN  
DAN AHLI-AHLI MAJLIS MESYUARAT NEGARA 2019-2020

HARI SABTU  
3 RABIULAKHIR 1441  
BERSAMAAN 30 NOVEMBER 2019  
9.00 PAGI

DEWAN PERSIDANGAN I  
KEMENTERIAN PENDIDIKAN  
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، وَبِهِ نَسْتَعِينُ عَلَى أَمْوَارِ الدُّنْيَا وَالدِّينِ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى أَشْرَفِ الْأَئْنِيَاءِ  
وَالْمُرْسَلِينَ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٌ وَعَلَى أَلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ.

السلام عليكم ورحمة الله وبركاته

Yang Berhormat Dayang Siti Rozaimeryanty binti Dato Seri Laila Jasa Awang Haji Abdul Rahman selaku Ketua Rombongan

Yang Berhormat Ahli-Ahli Majlis Mesyuarat Negara

Yang Mulia Timbalan Menteri Pendidikan

Yang Mulia Setiausaha-Setiausaha Tetap

Yang Mulia Naib-Naib Canselor dan Rektor

Yang Mulia Timbalan-Timbalan Setiausaha Tetap

Yang Mulia Pemangku Ketua Pengarah, Pengarah-Pengarah, Ketua-Ketua Jabatan dan Pegawai-Pegawai Kanan

Hadirin Dan Hadirat Yang Dihormati Sekalian.

Alhamdulillah, kita bersyukur ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala kerana dengan izinNya jua kita semua dapat sama-sama hadir ke Sesi Muzakarah antara Kementerian Pendidikan dengan Ahli-Ahli Majlis Mesyuarat Negara.

Terlebih dahulu, Peramba / Kaola / Saya ingin menjunjung kasih/mengucapkan ribuan terima kasih kepada Ahli-Ahli Yang Berhormat di atas keberangkatan/kesudian hadir di pagi yang mulia ini. Diharapkan disesi ini Ahli-Ahli Yang Berhormat akan mendapatkan perkembangan terkini mengenai pendidikan disamping kita sama-sama dapat berkongsi pengalaman mahupun buah fikiran.

**Ahli-Ahli Yang Berhormat dan para hadiran sekalian,**

Salah satu objektif strategik dalam Pelan Strategik Kementerian Pendidikan 2018-2022 ialah

**mentransformasikan sumber tenaga manusia yang ada ke arah budaya yang berasaskan prestasi.** Sepertimana yang telah pernah Peramba/Kaola/ Saya terangkan pada Sesi Muzakarah di tahun 2018, kriteria dan proses pengambilan bakal guru akan dikemaskinikan. Ini adalah pada menjunjung juga titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan Dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam semasa Majlis Sambutan Hari Guru ke-28 dalam usaha untuk memastikan guru-guru kita adalah benar-benar berkelayakan.

Kearah ini adalah dikongsikan bahawa satu pembaharuan telah mula diperkenalkan iaitu **proses penilaian dan pemilihan bakal guru** yang kini melalui tiga (3) peringkat sebelum mereka ditawarkan jawatan Pegawai Pelajaran Bergaji Hari.

Dalam hubungan ini juga, Alhamdulillah, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan Dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam semasa Majlis Sambutan Hari Guru ke-29 baru-baru ini telah memperkenankan penaikan taraf Bahagian Perkembangan Sumber Tenaga Manusia di Kementerian Pendidikan menjadi **Jabatan Pengurusan Pendidik** untuk menerajui usaha mentransformasi sumber tenaga pengajar yang melibatkan empat domain utama iaitu: Pemilihan dan Pengambilan; Penempatan dan Penempatan Semula; Perkembangan Kerjaya; dan Persaraan.

Adalah juga dikongsikan bahawa kontrak bagi pelaksanaan **Program Bimbingan Literasi Dan Numerasi** (*Literacy and Numeracy Coaching Programme, LNCP*) yang bermula pada Ogos 2016 telah pun berakhir pada 30 Jun 2019, dan ketika ini, ianya terus dilaksanakan sepenuhnya

oleh Kementerian Pendidikan. Latihan guru-guru Bahasa Inggeris dan Matematik kini terus dilaksanakan bagi memenuhi sasaran untuk menyediakan seorang *coach* bagi literasi dan seorang *coach* bagi numerasi di setiap sekolah Kerajaan dalam tempoh masa lima tahun ini. Semua ini adalah untuk memastikan kesinambungan dan kelestarian Program LNCP demi mencapai kualiti pengajaran Bahasa Inggeris dan Matematik yang tinggi di negara ini.

**Ahli-Ahli Yang Berhormat dan para hadiran sekalian,**

Di bawah Objektif Strategik II iaitu untuk **menyediakan akses yang sama dan saksama kepada pendidikan berkualiti**, pengukuhan penyampaian pendidikan dari peringkat asas hingga pengajian tinggi adalah diberi keutamaan meliputi pembangunan profisiensi pembelajaran pelajar, penambahbaikan kurikulum,

pengukuhan penilaian, penyediaan infrastruktur pendidikan yang mencukupi dan penyediaan perkhidmatan ICT bagi pendidikan.

Dalam hubungan ini, kualiti pengajaran dan pembelajaran akan terus dikukuhkan melalui dengan meneruskan rebiu piawaian dan pengisian kurikulum khususnya bagi literasi Bacaan, Matematik dan Sains di dalam kurikulum Sistem Pendidikan Negara Abad ke-21 (SPN21). Penyediaan sumber pengajaran dan pembelajaran khususnya penggunaan teknologi dalam pendidikan, penerapan nilai keusahawanan dan inovasi, peningkatan minat dalam pendidikan STEAM (*Science, Technology, Engineering, the Arts and Mathematics*) akan ditingkatkan melalui pusat-pusat seperti EdTech, *Entrepreneurship and Innovation Centre* dan STEP (*Science, Technology and Environment Partnership*).

Pelaksanaan Pusat Pembelajaran Sepanjang Hayat akan dimulakan bagi penambahbaikan peluang pembelajaran sepanjang hayat, manakala itu, pelebaran Pusat Kecemerlangan (*Centre of Excellence*) bagi pendidikan khas akan dilaksanakan dalam mendokong hasrat sekolah inklusif di Negara ini.

Kementerian Pendidikan juga akan meneruskan pelaksanaan projek-projek untuk memberi sokongan tambahan di sekolah kepada kumpulan pelajar tertentu melalui projek-projek seperti Skim Miftaahun Najaah, Program Riayah Wa Mahabbah, Program Harapan dan Program Anak Harapan.

Berhubung dengan profisiensi pelajar dan penambahbaikan kurikulum, Kementerian Pendidikan akan terus menilai tahap pendidikan yang ada agar ianya sentiasa relevan dengan menanda aras dengan piawaian

antarabangsa seperti melalui Kajian Utama bagi ***Programme for International Student Assessment*** (PISA). Dapatan daripada Kajian Utama PISA 2018 akan dikeluarkan oleh OECD pada Disember 2019 ini nanti yang mana ianya akan dapat membantu Kementerian Pendidikan menilai pencapaian dan juga mengenalpasti jurang para pelajar dalam memiliki dan mengaplikasi kemahiran serta kompetensi yang diperlukan di abad ke-21. In shaa Allah, dapatan-dapatan ini akan dikongsikan bersama Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian pada satu tarikh yang akan dimaklumkan nanti.

Bagi Pengajian Tinggi pula, Institusi-institusi pengajian tinggi awam juga telah dan sedang mengungkayahkan inisiatif-inisiatif kearah menghasilkan graduan-graduan yang berkualiti dan *future-ready*. Pelan-pelan strategik setiap institusi pengajian tinggi adalah dirangka sejajar kearah mendokong Pelan Strategik Kementerian

Pendidikan. Diantara usaha-usaha yang sedang dilaksanakan termasuklah pengemaskinian program-program dan kurikulum, penambahbaikan kualiti penyelidikan, meningkatkan hubungan dengan pihak industri bagi memastikan para graduan dibekalkan dengan kemahiran-kemahiran sejajar dengan keperluan semasa industri.

Menyentuh mengenai dengan penyediaan infrastruktur pendidikan yang mencukupi, sukacita dikongsikan bahawa **Projek Facilities Management**, iaitu pengurusan fasiliti secara kontrak penggal (*term-contract*) selama tiga (3) tahun telah mula dilaksanakan secara berfasa di Daerah Brunei Muara mulai 16 Julai 2019, di Daerah Temburong mulai 3 Ogos 2019 dan di Daerah Belait pada 18 November 2019 yang lalu. Bagi Daerah Tutong pula, ianya dijangka akan dimulakan pada hujung tahun 2019 ini.

Projek ini adalah untuk memastikan pembelajaran di sekolah atau pengurusan kerja dapat berjalan dengan lancar dan tidak terganggu melalui pengurusan yang berkesan dan prosedur kerja yang jelas dan teratur. Tatacara pengurusan fasiliti juga akan dilaksanakan dengan lebih berdaya tahan dan *cost efficient* bagi memastikan semua infrastruktur pembelajaran di Negara ini sentiasa berkeadaan kondusif dan selamat untuk digunakan serta mempunyai jangka hayat yang panjang.

Secara keseluruhannya, di sepanjang tahun 2019 ini, beberapa usaha dan inisiatif strategik telah dan sedang dilaksanakan bagi memastikan Sistem Pendidikan Negara Abad ke-21 (SPN21) akan terus dapat menyediakan akses yang sama dan saksama kepada pendidikan berkualiti melalui kepelbagaian laluan dan memenuhi keperluan pembelajaran untuk pelajar-pelajar pelbagai keperluan.

Dalam pada itu, sebagaimana jua yang dihasratkan dibawah Objektif Strategik III, kerjasama bersama pihak-pihak berkepentingan di negara ini akan dipertingkatkan dalam merealisasikan lebih banyak lagi projek-projek yang menjurus kepada pencapaian hasrat pendidikan yang cemerlang di negara ini.

Ringkasan mengenai beberapa inisiatif-inisiatif utama sepanjang tahun ini akan dikongsikan sebentar lagi melalui satu taklimat menerusi klip video.

## **Ahli-Ahli Yang Berhormat dan para hadiran sekalian,**

Sebagai penutup, **penglibatan berterusan Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian** adalah amat dihargai dalam sama-sama mendokong misi Kementerian ini “**Untuk Memberikan Pendidikan Holistik Bagi Mencapai**

**Potensi Sepenuhnya Untuk Semua”** bagi mencapai visi **“Pendidikan Berkualiti, Negara Dinamik”**. Adalah besar harapan Peramba / Kaola / Saya agar pada pagi ini kita akan dapat bercambah fikiran serta mendengarkan pandangan dan nasihat daripada Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian agar apa jua isu-isu yang disuarakan, In Shaa Allah, akan diambil perhatian dan tindakan susulan yang bersesuaian.

Kerjasama erat ini diharapkan akan dapat mendokong usaha luhur dan murni kita untuk melahirkan generasi yang bukan sahaja berpendidikan, berkemahiran dan *technology-savvy*, tetapi satu **generasi Brunei yang berciri global citizen** dan mempunyai identiti keBruneian, berakhlak mulia, jati diri yang tinggi serta nilai-nilai rohani lagi berpegang teguh dengan falsafah Melayu Islam Beraja.

Akhir kata, bagi pihak Kementerian Pendidikan, Perambaa / Kaola / Saya sekali lagi menjunjung kasih/mengucapkan berbanyak terima kasih atas keberangkatan/kesudian Ahli-Ahli Yang Berhormat hadir pada Sesi Muzakarah ini. Semoga permuzakarahan kita pada pagi ini akan dapat memberikan keberkatan ilmu dan manfaat kepada kita semua, serta mendapat rahmat dari Allah SWT juga.

**Sekian Wabillahi Taufik Walhidayah**  
**Wassalamualaikum Warahmatullahi**  
**Wabarakatuh.**

[Seterusnya, satu taklimat ringkas mengenai dengan Pelan Strategik Kementerian Pendidikan 2018-2020 dan inisiatif-inisiatif yang sedang dilaksanakan disepanjang satu (1) tahun ini akan disampaikan melalui satu tayangan klip video]